

**TAHAP PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN
MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

***LEVEL OF RELIGIOUS APPRECIATION AMONG STUDENTS OF
THE FACULTY OF ISLAMIC STUDIES, THE NATIONAL
UNIVERSITY OF MALAYSIA (UKM)***

Nurul Amirah Abdul Rahim

Pusat Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Siti Aishah Yahya*

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, UKM

*Corresponding Author's Email: sitiaishah85@ukm.edu.my

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Rahim, N. A. A. & Yahya, S. A. (2024). Tahap Penghayatan Agama dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 218-232.

ABSTRAK

Aspek penghayatan agama dalam diri remaja sangat memainkan peranan penting dalam membendung masalah sosial daripada semakin meluas. Penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa memainkan peranan utama terhadap pembentukan identiti, nilai-nilai, dan tindakan dalam kehidupan. Tujuan kajian ini adalah mengkaji tahap penghayatan agama dari segi Akidah, Ibadah dan Akhlak dalam kalangan mahasiswa FPI UKM. Metodologi kajian ini adalah kajian kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik selidik Pengamalan Ajaran Islam oleh Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) yang mempunyai 45 soalan. Rekabentuk kajian ini merupakan kajian bukan eksperimental yang melibatkan kajian tinjauan melibatkan 50 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa daripada Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0. Dapatkan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati tahap penghayatan agama dalam kalangan responden dalam semua

aspek yang dikaji iaitu Akidah, Ibadah, dan Akhlak berada pada tahap yang tinggi iaitu bagi Akidah, Sisihan Piawai (SP) 0.19, Ibadah 0.36 dan Akhlak 0.36 yang semuanya $p>0.05$. Kesimpulan dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa FPI UKM adalah baik. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil berat untuk memperbaiki dan menambahbaik dalam pembentukan sahsiah dan peribadi mahasiswa untuk mencapai modal insan yang berjaya duniaawi dan ukhrawi.

Kata kunci: Penghayatan agama; Mahasiswa

ABSTRACT

The aspect of religious appreciation in adolescents plays an important role in curbing social problems from becoming more widespread. Religious appreciation among students plays a major role in the formation of identity, values, and actions in life. The purpose of this study is to examine the level of religious appreciation in terms of Faith, Worship and Morals among FPI UKM students. The methodology of this study is a quantitative study, which uses a questionnaire on the practice of Islamic teachings by Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) which has 45 questions. The design of this study is a non-experimental study involving a survey study involving 50 respondents consisting of students from the Faculty of Islamic Studies (FPI) UKM. The data obtained were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 27.0. The findings of the studies were described using descriptive and inference statistical methods. The results of the study found that the level of religious appreciation among the respondents in all aspects studied, namely Akidah, Worship, and Morals was at a high level, namely for Akidah, Standard Deviation (SP) 0.19, Worship 0.36 and Akhlak 0.36 which were all $p>0.05$. The conclusions of this study show that the level of religious appreciation among FPI UKM students is good. Therefore, all parties need to take care to improve and improve the formation of students' personalities and personalities to achieve worldly and spiritual success.

Keywords: Religious appreciation; Students

1.0 PENGENALAN

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, istilah penghayatan agama atau *al-tadayyun* kebiasaannya dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh seseorang muslim di dalam kehidupannya, sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya (*circle of influence*) secara perseorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak atau melangkau keluar hingga ke ruang kecaknaannya (*circle of concern*) seperti pelaksanaan syariah yang melibatkan individu lain, keluarga masyarakat dan negara dengan berasaskan pengetahuan dan kefahamannya mengenai agama (Mohamad Abu Bakar, 2005).

Remaja kini yang dikenali sebagai ‘Generasi Y’ semakin hari semakin tidak memahami tujuan hidup mereka sebagai manusia. Malah, ramai dari kalangan

mereka terjebak ke lembah gejala sosial yang tidak bermoral ini. Rutin harian mereka juga dilihat telah banyak berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, aktiviti berfoya-foya dan bersuka ria di kelab malam telah menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya, berlakulah seks rambang dan perzinaan. Tambahan pula, budaya barat yang dilihat tidak henti-henti meluru masuk ke dalam kehidupan kita, seolah-olah mahu ‘membunuh’ jiwa-jiwa ‘hijau’ ini dengan racun hedonisme, sekularisme, liberalisme dan bermacam-macam lagi. Mereka diburu dari segenap arah pemikiran, pakaian, pergaulan, hiburan dan cara hidup (Wan Abdul Fattah et al., 2020). Remaja yang terlibat dalam masalah akhlak dan kepribadian ini berasal dari keluarga yang jauh dari agama dan memiliki pengetahuan agama yang lemah. Sebagai seorang mahasiswa, penting untuk memiliki ketahanan terhadap pengaruh budaya Barat dan lebih mengutamakan nilai-nilai tradisional dalam menentukan arah perkembangan masa depan negara.

Namun demikian, kefahaman dan penghayatan agama mahasiswa sangat penting dalam membentuk peribadi mahasiswa kerana dapat memberikan dampak yang besar kepada pembangunan manusia dalam konteks membangunkan mahasiswa secara menyeluruh dengan menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan aspek kerohanian. Ia juga mampu membentuk dan mempertingkat nilai insan dengan meraikan segala unsur yang ada padanya dari segi mental, fizikal, emosi dan spiritual. Bukan sekadar pengetahuan yang diharapkan malah penghayatan mahasiswa terhadap apa yang dipelajari dan dapat itu lebih penting agar dapat diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku dan sahsiah mereka.

Penghayatan agama juga membawa maksud segala tingkah laku dan cara hidup yang dipengaruhi penghayatan terhadap agama. Orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin. Agama merupakan intipati kepada fikiran dan pengetahuan yang berperanan sebagai pemangkin kepada segala gerak dan tingkah laku yang suci (H. Ibrahim Lubis, 1982). Maka, penghayatan agama boleh diertikan sebagai menghayati dan merasai dalam hati tentang kekuasaan Tuhan dan menzahirkan segala ajaran dan perintah-Nya dalam kehidupan. Seseorang yang hidup beragama akan menghayati agamanya dan menjadikan agama itu hidup dalam diri dan luarannya. Ini kerana sesuatu itu dianggap hidup berdasarkan kewujudan roh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga segala pergerakan akan terhenti dan sesuatu itu akan menjadi kaku, beku dan mati (Wan Salim Muhammad Nor, 1989).

Secara keseluruhannya, seseorang itu boleh dianggap menghayati sekiranya segala tindak tanduk dan gaya hidupnya dipengaruhi oleh penghayatannya terhadap agama. Sebagai mahasiswa, mereka wajar mempunyai imej masyarakat yang memahami dan mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian (Zulkifli & Salimah, 2006).

2.0 OBJEKTIF

Berdasarkan permasalahan yang telah diuraikan, kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek- aspek penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa FPI UKM. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti tahap penghayatan agama dari segi akidah dalam kalangan mahasiswa FPI UKM.
- ii. Mengenalpasti tahap penghayatan agama dari segi ibadah dalam kalangan mahasiswa FPI UKM.
- iii. Mengenalpasti tahap penghayatan agama dari segi akhlak dalam kalangan mahasiswa FPI UKM.

3.0 KONSEP PENGHAYATAN AGAMA

Dari segi bahasa, penghayatan berasal dari ‘hayat’ iaitu perkataan Arab bermakna hidup, manakala kata kerja ‘menghayati’ memberi maksud mengalami dan merasai (dalam batin) atau meresap ke dalam jiwa. Penghayatan bererti perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin (Sheikh Othman Sheikh Salim, 2002). Perkataan agama pula berasal dari perkataan Sanskrit iaitu gabungan ‘a’ bermakna tidak dan ‘gama’ bermakna kacau, menjadikan ‘agama’ memberi maksud peraturan atau tidak kacau. Sesuai dengan itu, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin (H. Ibrahim Lubis, 1982). Menurut al-Ba’albaki (1982) penghayatan agama ialah perihal beragama atau patuh kepada agama (tadayyun), bertakwa dan warak. Ini bererti seseorang boleh dianggap beragama (al-mutadayyin) jika tutur kata dan tingkah lakunya digerak dan dikawal oleh penghayatannya terhadap agama. Zainab al-Ghazali (1989) menyatakan Islam mesti dihayati sebagai din dan daulah, tabiat dan usul akidah. Ini bererti seseorang yang terbatas kepada amalan agama secara individu sahaja tanpa memiliki kesedaran, mendukung cita-cita dan usaha menegakkan Islam dalam seluruh aspek sekalipun berada di luar lingkungan pengaruhnya, belum mencapai tahap penghayatan yang paling tinggi dan sempurna dari segi pengakuan (syahadah) sebagai seorang Islam.

Penghayatan agama yang seimbang memastikan kepercayaan, ibadah, dan tingkah laku moral saling menyokong dan mewujudkan pandangan hidup yang selaras dengan nilai agama yang dianuti. Terdapat 3 aspek utama yang akan dibincangkan iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Dengan menyepakukan ketiga aspek ini, mahasiswa dapat membina asas yang kukuh dalam penghayatan agama mereka. Ini akan membantu mereka menjalani kehidupan universiti yang seimbang, menghadapi cabaran dengan keyakinan yang kuat, dan membentuk watak yang baik sebagai mahasiswa yang beretika dan beragama.

3.1 Penghayatan Agama Dari Segi Akidah

Akidah adalah asas kepercayaan yang mendasari pandangan seseorang terhadap ajaran agama. Penghayatan agama dari sudut akidah merangkumi pemahaman yang mendalam, keteguhan akidah, dan bagaimana kepercayaan ini tercermin dalam sikap dan tindakan sehari-hari.

Akidah yang benar dan sah adalah menjadi syarat pertama kepada pengakuan seseorang yang telah menerima Islam sebagai agama yang mengatur hidupnya (Fathi Yakan, 1992). Malah akidah menjadi asas sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT serta membentuk diri manusia menjadi mukmin dan muslim. Akidah ini tidak akan

berubah kerana pergantian zaman atau tempat atau kerana perbezaan golongan atau masyarakat. Akidah ini merupakan roh bagi setiap orang yang mana dengan berpegang teguh kepadanya ia akan hidup dalam keadaan baik dan mengembirakan qardh (Sayid Sabiq, 1978). Sebaliknya jika ditinggalkan akan mematikan semangat kerohanian manusia. Malah dengan itu barulah mereka mampu menampilkan contoh tauladan yang sempurna kepada umat-umat lain dan sesuai dijadikan sebagai pedoman dan ikutan yang baik (Yusuf al-Qardhawi, 1996).

3.2 Penghayatan Agama Dari Segi Ibadah

Penghayatan agama dari aspek ibadah melibatkan penerapan pegangan agama dalam amalan agama sehari-hari. Menurut Abu Bakar (2003), penciptaan manusia di muka bumi bukanlah secara percuma tanpa sebarang tugas atau matlamat yang perlu. Sebaliknya ia menuntut kepada suatu kegiatan hidup yang telah digariskan oleh Allah SWT untuk ditunaikan sebaik mungkin. Pelaksanaan tersebut bukanlah secara paksaan tetapi memerlukan kepadakepatuhan yang seterusnya akan melahirkan suatu rasa cinta dan ikhlas. Kegiatan yang dinamakan ibadah ini terbahagi kepada dua kategori iaitu ibadah umum dan khusus.

Ibadah boleh difahami sebagai suatu perbuatan yang dilakukan sebagai usaha menghubungkan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai tuhan yang disembah. Segala perbuatan yang disukai dan diredayai oleh Allah SWT, baik perkataan maupun tindakan, baik terang-terangan maupun tersembunyi dalam rangka mengagungkan Allah SWT dan mengharapkan pahalaNya juga dikatakan sebagai ibadah. Dengan kata lain, ia merupakan kewajipan untuk melaksanakan syariat Allah SWT sesuai dengan pelaksanaan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW (Abu Bakar, 2003).

3.3 Penghayatan Agama Dari Segi Akhlak

Penghayatan agama mahasiswa dari aspek akhlak melibatkan penerapan nilai-nilai etika dan moral yang diajar oleh agama dalam setiap aspek kehidupan mereka. Akhlak merujuk kepada tingkah laku, sikap dan perwatakan seseorang yang mencerminkan prinsip moral yang dipegangnya.

Penghayatan agama dari segi akhlak kepada mahasiswa merujuk kepada sifat dan tingkah laku yang selaras dengan nilai baik, perintah, larangan, dorongan dan penentangan berkaitan dengan akhlak, budi pekerti dan tingkah laku orang beriman sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W amalan sesuai di semua peringkat kehidupan manusia (Sarimah et.al, 2011). Selain daripada memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak, umat Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini kerana setiap perkara ada kandungan dan bentuknya. Dalam akhlak, antara kandungannya ialah adab, manakala bentuk intipatinya ialah iman dan taqwa. Ini bermakna apabila menyebut konsep akhlak, ia secara langsung menyentuh adab-adab mulia. Adab yang kata akarnya addaba bermaksud mengajarkan adab. Adab juga boleh membawa maksud adat kebiasaan. Tegasnya, ia menggambarkan satu kebiasaan, budi pekerti dan

perilaku yang diambil daripada orang yang dianggap sebagai contoh (Marwan Ibrahim al-Kaysi, 1997).

4.0 KEPENTINGAN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KEHIDUPAN

Penghayatan agama boleh membentuk pemikiran dan tingkah laku individu, mempengaruhi perhubungan antara individu, dan memberi impak yang besar kepada masyarakat dan budaya secara keseluruhan.

Falsafah Pendidikan Negara memberi mesej penting dari segi keseimbangan makna pembangunan dalam konteks pelajar iaitu tidak tertumpu kepada pembangunan minda atau intelek sahaja, bahkan meliputi aspek spiritual, emosi dan fizikal. Penghayatan agama yang merangkumi semua aspek keperluan kehidupan mempunyai fungsi penting dalam membangunkan manusia dari segi spiritual, intelektual, emosi dan fizikal mengikut sistem (manhaj) yang ditentukan oleh Allah SWT melalui pengutusan rasulNya Nabi Muhammad SAW.

Dalam konteks pembangunan pelajar khususnya pelajar muslim yang menguasai lebih separuh dari populasi pelajar di kebanyakan IPTA negara ini, pembangunan berteraskan penghayatan agama merupakan sesuatu yang sangat penting atas prinsip agama sebagai salah satu daya kawal manusia dari aspek tingkah laku. Dimensi kerohanian dalam penghayatan agama melalui kaedah tazkiyyah al-nafs perlu dihayati dan dijadikan teras kepada pembentukan modul pembangunan pelajar terutama di pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalamsebarang acara, program atau kursus yang melibatkan pelajar muslim, malah program yang bersumberkan tazkiyyah al-nafs dengan penanaman nilai-nilai murni yang universal harus diterap dan dikongsi bersama dengan pelajar non muslim yang lain. Pembangunan menyeluruh yang berpaksikan pembangunan ‘diri yang halus’ ini menghasilkan manusia yang disebut oleh Syeikh Mahmud Syaltut sebagai berjiwa agama (al-damir al-dini) yang tidak akan membantah perintah Allah SWT, tidak menipu, khianat, mengabaikan kebenaran dan meninggalkan kewajipan, sehingga menjamin keselamatan dan keamanan keseluruhan hidupnya (Syaltut, 1966).

5.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi tahap penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, UKM. Soal selidik digunakan adalah dari Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) iaitu Pengamalan Ajaran Islam sebagai instrumen kajian ini untuk mendapatkan data. Soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A adalah demografi responden, Bahagian B adalah tahap penghayatan agama dari aspek Akidah, Bahagian C adalah tahap penghayatan agama dari aspek Ibadah dan Bahagian D adalah tahap penghayatan agama dari aspek Akhlak. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian bukan eksperimental yang melibatkan kajian tinjauan melibatkan 50 orang responden sebagai sampel kajian yang terdiri daripada mahasiswa daripada Fakulti Pengajian Islam, (FPI) UKM iaitu dipilih daripada 6 program pengajian dalam Fakulti Pengajian Islam, UKM. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 27.0 iaitu analisis peratusan, min dan sisisian piawan bagi data

berbentuk demografi dan soal selidik berkaitan penghayatan agama. Dapatkan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. Terdapat 45 soalan yang berkaitan dengan penghayatan agama dari aspek Akidah, Ibadah dan Akhlak diuji menggunakan 5 skala Likert iaitu Sangat Bersetuju, Bersetuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Bersetuju.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini melibatkan seramai 50 orang mahasiswa dipilih sebagai sampel kajian. Responden terdiri dari kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, UKM.

6.1 Statistik Deskriptif Demografi Responden

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Demografi		Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	10	20.0
	Perempuan	40	80.0
Umur	18 hingga 20 tahun	4	8.0
	21 hingga 23 tahun	27	54.0
	24 hingga 26 tahun	19	38.0
Program Pengajian	Syariah	11	22.0
	Usuluddin dan Falsafah	9	18.0
	Dakwah dan Kepimpinan	11	22.0
	Arab dan Tamadun Islam	9	19.0
	Al-Quran dan Al- Sunnah	10	20.0
Tahun Pengajian	1	1	2.0
	2	5	10.0
	3	7	14.0
	4	37	74.0
Jumlah		50	100

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratusan latar belakang responden berdasarkan jantina, umur, program pengajian dan tahun pengajian. Berdasarkan jadual, seramai 10 orang responden ialah mahasiswa lelaki (20%) dan 40 orang responden mahasiswi Perempuan (80%) yang terlibat di dalam kajian ini. Dari sudut umur responden menunjukkan majoriti ialah mahasiswa yang berumur 21 hingga 23 tahun iaitu seramai 27 (54%) orang. Ini diikuti kategori umur 24 hingga 26 tahun seramai 19 (38%) orang kemudian peringkat umur 18 hingga 20 tahun seramai 4 (8%) orang. Manakala berdasarkan program pengajian pula, bilangan responden program Syariah dan program Dakwah dan Kepimpinan adalah sama (22%) iaitu bersamaan 11 orang. Begitu juga dengan program Usuluddin dan Falsafah dan Arab dan Tamadun Islam mempunyai responden yang sama (18%) iaitu seramai 9 orang. Responden bagi program pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah seramai (20%) bersamaan 10 orang. Responden bagi tahun pengajian yang paling ramai adalah responden tahun ke-4 (74%) iaitu bersamaan 37 orang mahasiswa kemudian

responden tahun ke-3 (14%) seramai 7 orang. Responden tahun ke-2 mempunyai (10%) seramai 5 orang dan terdapat seorang responden tahun 1 (2%).

6.2 Tatacara Penganalisisan Data

Bagi menghuraikan dan menjawab objektif kajian, pengkaji menggunakan statistik deskriptif. Oleh yang demikian, analisis deskriptif yang menggunakan skor min dan sisihan piawai adalah paling sesuai digunakan agar pengkaji mendapat maklumat yang lebih luas dan menyeluruh, terperinci, dan tepat seperti mana yang dikehendaki dalam objektif kajian. Menurut Pallant (2013) sesuatu analisis kajian itu hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian agar dapat maklumat yang lebih tepat, menyeluruh dan lebih bermakna. Skor min diukur berdasarkan Jadual 2 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Nunnally & Bernstein (1994). Jadual pengukuran tahap skor min oleh Nunnally & Bernstein (1994) ini adalah berdasarkan kepada empat tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau penilaian responden.

Jadual 2: Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: *Psychometric Theory, 3rd edn*, 1994 (Nunnally & Bernstein, 1994)

6.3 Statistik Deskriptif Tahap Penghayatan Agama Mahasiswa Fpi Ukm Dari Segi Akidah

Jadual 3 menjelaskan tahap, skor min, sisihan piawan dan nilai interpretasi tentang tahap penghayatan agama dari segi akidah responden

Jadual 3: Tahap, Skor Min, Sisihan Piawan Dan Nilai Interpretasi Tahap Penghayatan Agama Dari Segi Akidah

Bilangan (N)	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Akidah	Tinggi	5.00	0.00	Tinggi
	Rendah	4.38	0.78	
Jumlah		4.87	0.19	

Jadual 3 menunjukkan respon responden terhadap penghayatan agama dari segi akidah. Skor min tertinggi ialah 5.00 yang menunjukkan skor min maksimum, manakala skor min yang terendah ialah 4.22. Secara keseluruhannya semua item mempunyai skor min di atas paras 4.00 yang menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan kajian menunjukkan 100% responden mengakui Allah SWT itu ada pada item (B1) dan semua responden dapat mengucapkan dua kalimah syahadah pada item (B2).

Purata min untuk persoalan tahap penghayatan agama dari segi akidah ialah 4.87. Dapatkan kajian mendapati, skor min responden berada pada tahap skor pengamalan akidah yang tinggi. Ini berdasarkan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) iaitu skor min 4.01 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi. Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang tahap penghayatan agama dari segi akidah. Ini dibuktikan kajian Noorkharilhuda (2021), menunjukkan majoriti pelajar sekolah menengah agama swasta ini mempunyai tahap penghayatan akidah yang tinggi memandangkan majority semua item memperoleh peratusan yang tinggi. Penghayatan akidah melibatkan tentang pegangan seseorang.

Perkara ini akan menjadi sesuatu pegangan kuat bagi seseorang yang beragama, maka tidak mustahil responden kajian mempunyai tahap penghayatan akidah yang tinggi. Ini juga selari dengan kajian Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) yang menunjukkan tahap pengamalan akidah semua responden iaitu 100.0 peratus responden berada pada tahap skor pengamalan akidah yang tinggi. Dapatkan menunjukkan semua (100%) responden mempunyai tahap pengamalan ajaran Islam dalam aspek akidah yang baik. Dapatkan kajian Muhammad Faliq (2018) yang mendapati skor min tahap kefahaman akidah pelajar berada pada tahap yang tinggi. Pengetahuan akidah mampu menanamkan rasa kebertuhanan (*God-consciousness*) dalam diri remaja (Khairul Hamimah et al., 2015) serta mampu membina daya tahan dalaman sebagai faktor pelindung remaja daripada terjebak dengan gejala tidak sihat seperti mencuri, sumbang mahram, penagihan dadah dan sebagainya.

Di sampimg itu, menurut Sabiq (2003), akidah merupakan asas yang mampu melahirkan insan yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT seterusnya membentuk keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalnya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya. Keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan diri dan masyarakat malah turut menjadi punca sebenar kepada kelemahan emosi dan spiritual seseorang yang mengakibatkan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kecenderungan membunuh diri serta kemurungan (al-Qaraḍāwī, 2005)

6.4 Statistik Deskriptif Tahap Penghayatan Agama Mahasiswa Fpi Ukm Dari Segi Ibadah

Jadual 4: Skor Min, Sisihan Piawan dan Nilai Interpretasi tentang Tahap Penghayatan Agama Dari Segi Ibadah Responden

	Bilangan (N)	Tahap	Min	Sisihan Piawan	Interpretasi
Ibadah	50	Tinggi	4.98	0.14	
		Rendah	3.74	1.01	
Jumlah			4.63	0.36	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan respon responden terhadap penghayatan agama dari segi ibadah. Skor min tertinggi ialah 4.98, manakala skor min yang terendah ialah 3.74. Secara keseluruhannya semua item mempunyai skor min di atas paras 4.00 yang menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang tinggi kecuali item C13 iaitu ‘Saya tidak suka melihat rancangan televisyen yang mendedahkan aurat’ mendapat tahap sederhana tinggi. Purata min untuk persoalan tahap penghayatan agama dari segi ibadah ialah 4.63. Dapatkan kajian mendapati, skor min responden berada pada tahap skor pengamalan ibadah yang tinggi berdasarkan jadual interpretasi skor min. Dapatkan kajian menunjukkan 98% responden berpuasa pada bulan Ramadhan pada item (C5).

Dapatkan kajian terhadap ibadah wajib yang dikemukakan tersebut mendapati masih terdapat responden yang tidak melakukan ibadah-ibadah wajib tersebut. Dapatkan kajian terhadap kewajipan solat fardhu mendapati, hanya 43 orang responden (86%) sahaja yang sentiasa menunaikan solat fardhu, 39 orang (78%) responden sahaja yang sentiasa akan melakukan solat fardhu walau di mana sahaja mereka berada dan 38 orang (76%) responden sahaja yang tidak akan meninggalkan solat fardhu walaupun kesuntukan masa untuk menghadiri kelas. Manakala kewajipan ibadah puasa pada bulan Ramadhan, dapatkan kajian menunjukkan 49 orang (98%) responden yang sentiasa melakukan puasa di bulan Ramadhan dan 40 orang (80%) responden yang tidak pernah ‘ponteng’ atau sengaja meninggalkan ibadah wajib tersebut.

Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang tahap penghayatan agama dari segi akidah. Ini dibuktikan kajian Muhamad Zaki & Khadijah (2021) memperlihatkan amalan solat fardu pelajar pada tahap sederhana. Ini juga mengesahkan faktor-faktor remaja tidak menunaikan solat fardu dengan sempurna dan konsisten adalah disebabkan sikap malas pelajar menunaikan solat (Hasna & Mohd Nazari 2020). Kajian Syukri Ahmad et.al, (2014) pula mendapati secara menyeluruh didapati para pelajar universiti tidak menitikberatkan amalan solat dalam kehidupan mereka. Hasil daripada pengabaian solat, masjid dan surau- surau universiti menjadi lapang dan kosong setiap kali waktu solat fadhu mahupun ketika program kuliah-kuliah agama diadakan. Ibadah solat mempengaruhi tingkah laku remaja. Jika diabaikan, ia menjadi punca utama punca kepada keruntuhan akhlak dan sahsiah remaja kini (Mohd. Jirran, 2015). Malah, jika dilakukan dengan

sempurna dan secara konsisten, ibadah solat mampu menjadi elemen pencegahan yang paling berpengaruh untuk menjauhkan remaja daripada tingkah laku delikuen (Fazilah et al., 2011).

6.5 Statistik Deskriptif Tahap Penghayatan Agama Mahasiswa Fpi Ukm Dari Segi Akhlak

Jadual 5: Tahap Skor Min, Sisihan Piawan Dan Nilai Interpretasi Tentang Tahap Penghayatan Agama Dari Segi Akhlak Responden

	Bilangan (N)	Tahap	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Akhlak	50	Tinggi	4.96	0.20	
		Rendah	4.16	1.04	
Jumlah			4.59	0.36	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan respon responden terhadap penghayatan agama dari segi akhlak. Skor min tertinggi ialah 4.96, manakala skor min yang terendah ialah 4.16. Secara keseluruhannya semua item mempunyai skor min di atas paras 4.00 yang menunjukkan skor min setiap item berada pada tahap yang tinggi. Purata min untuk persoalan tahap penghayatan agama dari segi ibadah ialah 4.59. Dapatkan kajian mendapatkan, skor min responden berada pada tahap skor pengamalan akhlak yang tinggi berdasarkan jadual interpretasi skor min. Dapatkan kajian menunjukkan 96% responden mencari keredhaan Allah dengan berbuat baik sesama manusia dan skor min responden berada pada tahap skor pengamalan akhlak yang tinggi dan analisis secara keseluruhan adalah penghayatan akhlak adalah baik.

Berdasarkan jadual tersebut, item D1 (Saya mencari keredhaan Allah dengan berbuat baik sesama manusia) dalam konstruk pengamalan akhlak pelajar menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.96 dengan bacaan seramai (4%) setuju dan (96%) sangat setuju. Berdasarkan jadual interpretasi min yang digunakan item tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala bacaan nilai min terendah adalah pada item D12 (Saya tidak gembira apabila keluar berduaan bersama kekasih saya) iaitu 4.16 dengan bacaan (2%) sangat tidak setuju, (2%) tidak setuju, (28%) tidak pasti, (14%) setuju, (54%) sangat setuju. Walaubagainapun nilai min ini masih berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan berdasarkan jadual ini, min item-item dalam konstruk pengamalan akhlak ini menunjukkan bahawa mahasiswa FPI UKM mempunyai akhlak yang baik dalam diri mereka.

Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang tahap penghayatan agama dari segi akidah. Ini dibuktikan kajian Nor Hayati et. al, (2018), menunjukkan dapatan aspek penghayatan akhlak mendapatkan tahap akhlak berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya dan pada kebanyakan item terhadap pelajar semester 1 Politeknik Banting. Pelajar perlu lebih diberikan pendedahan cara berakhlak yang menepati kacamata Islam, memahami setiap perjalanan kehidupan manusia mempunyai hikmat yang tersendiri dan meletakkan kefahaman ajaran agama sebagai keutamaan. Ini juga disokong dengan kajian Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) yang mendapatkan tahap pengamalan akhlak responden menunjukkan 96% peratus yang

mewakili 96 orang responden adalah berada pada skor tahap tinggi dan hanya 4.0% yang mewakili 4 orang responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang sederhana. Manakala tiada seorang responden iaitu 0.0% yang berada pada tahap pengamalan akhlak yang rendah.

Menurut Fathi Yakan (1992) akhlak mulis itu adalah intipati bagi segala ibadat. Tanpa akhlak ibadat hanyalah adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai dan faedah. Akhlak yang terbentuk akan menjadi satu refleksi keimanan dan kesyumulan syariat yang dibawa dalam kehidupan seharian. Membina akhlak dan peribadi yang mulia menjadi satu cabaran besar buat umat Islam hari ini

7.0 CADANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan berkaitan penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa FPI UKM, hasil kajian ini dapat memberikan beberapa cadangan terutamanya kepada semua yang terlibat dalam mengukuhkan kefahaman dan pengamalan nilai-nilai agama dalam kehidupan pelajar universiti iaitu:

- i. Penggunaan Soal Selidik
Menggunakan soal selidik oleh Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham (2013) yang dijalankan dalam kajian ini secara berkesan iaitu soal selidik penghayatan agama dan mempunyai 3 bahagian iaitu akidah, ibadah dan akhlak bagi mengukur pemahaman dan penghayatan agama di kalangan pelajar dan menggunakan statistik untuk mengukur tahap pemahaman dan amalan agama dalam kalangan pelajar.
- ii. Menfokuskan kepada aspek praktikal dan teori
Berdasarkan kajian ini juga, dapatkan kajian dapat melihat kepada tahap pengetahuan dan kefahaman mahasiswa FPI UKM terhadap aspek dalam agama Islam. Selain itu, dapat mengukur sejauh mana mahasiswa FPI UKM menerapkan penghayatan agama dalam kehidupan seharian mereka.
- iii. Pembelajaran Berterusan
Kesinambungan dalam pendidikan dan pembelajaran agama dalam kalangan mahasiswa amat penting bagi memantapkan penghayatan agama mereka. Mengikuti kursus atau program yang bersifat berterusan, seperti kuliah, seminar, atau bengkel yang membincangkan isu-isu agama semasa. Ini membolehkan mahasiswa terus memperkuuhkan pengetahuan dan pemahaman mereka.
- iv. Penjagaan Kesihatan Mental, Rohani dan Jasmani
Keseimbangan antara menjaga kesihatan mental, rohani dan jasmani amat penting bagi mahasiswa untuk memastikan usaha mereka mencapai kejayaan dalam pelajaran dan kehidupan universiti. Menjaga kesihatan mental, rohani dan jasmani adalah aspek penting dalam kehidupan seorang pelajar, di mana penghayatan nilai-nilai agama

sering menjadi panduan utama mereka iaitu melalui amalan seperti solat, membaca Al-Quran, dan penyertaan berterusan dalam aktiviti keagamaan, mereka boleh mencapai keseimbangan yang seimbang antara tuntutan akademik dan keperluan kesejahteraan diri, menjadikan mereka lebih produktif dan seimbang dalam kehidupan universiti.

Oleh itu, kesimpulan dalam kajian ini adalah pemahaman agama yang mendalam dari segi Akidah, Ibadah dan Akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah pelajar. Akidah yang kuat memberikan prinsip iman yang stabil, manakala amalan agama seperti solat, puasa dan amalan lain membentuk hubungan langsung dengan Tuhan. Akhlak yang baik seperti kesopanan, kejujuran dan empati adalah tanda yang jelas penghayatan agama yang mendalam. Semua pihak perlu bekerjasama untuk memperbaiki dan menambaik akhlak dan sahsiah mahasiswa. Ini kerana mahasiswa merupakan cerminan untuk generasi kepimpinan akan datang yang akan seimbangkan kehidupan dunia dan ukhrawi.

Sumbangan Pengarang

Rahim, N. A. A. & Yahya, S. A., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Don, Y., Abdullah, W. A. R. K. W., Ibrahim, M. M. & Hussain, S. F. M. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimaran Masjid dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR*, 786-797.
- al-Qaraḍāwī, Y. 2005. Al-Imān wa al-ḥayāh. Kaherah: Dār Ghad al-Jadīd
- Bakar, M. A. (2005). Islam Sebagai Budaya dan Peradaban: Ke mana? Di mana? *Jurnal Pemikir*.
- Ghani, Z. A. & Mansor, N. S. A. (2006). *Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali*.
- Hasna Bidin dan Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah. 2020. Kajian pemahaman dan pelaksanaan ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawang

- Ibrahim, N. (2021). Kajian Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Swasta Di Selangor. *Jurnal Al-Sirat* <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/60>
- Idris, F., Suradi, N. R. M., Muhamad, S. S., Mastor, K. A., Kasan, H. & Zainal, K. (2011). Influence Of Ritual Behavior On Religious Delinquent Behavior Among Youth: A Path Analysis Approach. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 59, 51-60.
- Ismail, A. B. (2003). Ensiklopedia Islam untuk pelajar. Kuala Lumpur: Era Visi Publications. al-Ba 'albaki, Munir. 1982. al-Mawrid. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin
- Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Zulfaqar Mamat, Husin, S. N. M. S., Alias, M. A. A. & Kahar, N. S. A. (2020). Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia. *International Seminar on Syariah and Law (INSLA) E-Proceedings*.
- Jeperi, M. J. M. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kuala Terengganu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
- Jurami, S. K. & Sham, F. M. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh, *Islamiyyat*, 35(1).
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2006. Masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah di kalangan pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) cawangan Kuala Lumpur. Disertasi. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Lubis, H. I. (1982). Agama Islam: Suatu Pengantar. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi. 1997. Adab Sopan dan Budi Pekerti Dalam Islam. (Terj.) Hussin Salamon dan
- Nor, W. S. W. M. (1989). *Penghayatan al-Quran di Malaysia*. Seminar Pengajian al- Quran Peringkat Kebangsaan. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric Theory*, 3rd edn, 1994. McGraw-Hill, New York, 3, 701.
- Pallant, J. (2013). *SPSS A Step By Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS-Survival Manual* (5th editio). New York: Mc Graw Hill.
- Rahman, M. F. A. (2018). *Kefahaman Elemen-Elemen Akidah dalam Bacaan Asas Solat Dan Sumbangannya Terhadap Penghayatan Akhlak Penuntut-Penuntut SMKA di Perak*. Tesis Sarjana Usuluddin, UKM
- Sâbiq, S. (1978). *Akidah Islam*. Terj. Moh Abdai Rathomy. Bandung: Diponegro.
- Sâbiq, S. (2003). al-'Aqâ'id al-Islâmiyyah. Kaherah: Dâr al-Fath li al-'Ilm al-'Arabî.
- Salim, S. O. S. (2002). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaltut Mahmud. 1966. Min Taujihat al-Islam. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani. 2011. Global Journal Al-Thaqafah.
- Talib, N. H. F., Halim, A. H. A. & Shafie, B. H. M. (2018). Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1, Satu Kajian di

- Politeknik Banting Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.
- Yakan, F. (1992). *Apa Ertinya Saya Menganut Agama Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Yusuf al-Qardawi. (1996), al-‘Ibādah Fi al-Islām. c. 25. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zainab al-Ghazali. (1989). *Ke Arah Kebangkitan Baru*. Mohd. Yusuf Haji Ismail (Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Zainuddin, M. Z. & Razak, K. A. (2021). Pengetahuan Akidah dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Pilah, N. Sembilan. *International Journal of Advance Research in Islamic Studies and Education*, 1(4).